

# AS perlu beri bukti jelas — Najib

UM 24 SEP 2001  
Oleh AZIMI MUSTAPHA

**B**UKIT MERAH 23 Sept. — Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, pihak berkuasa Amerika Syarikat hendaklah memaklumkan dengan jelas sebarang permintaan mereka daripada kerajaan negara ini berhubung menyerahkan apa yang mereka sifatkan sebagai 'pengganas'.

Katanya, permintaan itu hendaklah disertakan dengan bukti-bukti yang jelas dan sah menyatakan terdapat pengganas yang disyaki berada di negara ini.

"Dari segi prinsipnya, sebarang tindakan yang diminta diambil oleh Malaysia terhadap pengganas untuk menyerahkan mereka dan sebagainya mestilah terlebih dahulu diasaskan kepada bukti yang sahih bahawa mereka ini benar-benar pengganas.

"Bukanlah satu tindakan yang bijak untuk melabelkan semua orang sebagai pengganas, kerana ia akan membawa implikasi yang amat buruk terutama dari segi tekanan negara-negara Barat terhadap umat Islam," katanya kepada media selepas menutup Konvensyen UMNO Perak 2001 di Bukit Merah

Laketown Resort di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan akhbar mengenai Biro Siasatan Persekutuan (FBI) Amerika Syarikat meminta sembilan negara Arab dan Islam termasuk Malaysia supaya menyerahkan beratus-ratus orang yang disyaki pengganas."

Semalam, FBI meminta Afghanistan, Mesir, Iran, Lebanon, Malaysia, Arab Saudi, Syria, Amiriah Arab Bersatu (UAE) dan Yemen supaya menyerahkan orang-orang yang disyaki itu atau menghadapi akibatnya.

Tambah Najib, negara ini akan hanya mengambil tindakan sekiranya terdapat bukti-bukti kukuh mengenai perkara itu.

Bagaimanapun, beliau menjelaskan perkara itu adalah di dalam bidang kuasa polis yang menjaga keselamatan dalam negeri dan di luar bidang kuasa kementeriannya.

Di samping itu, beliau turut kesal dengan tindakan pihak berkuasa Amerika Syarikat yang tidak membenarkan pelaut-pelaut dari Malaysia berlabuh di pelabuhan di negara itu.

"Kita memang tidak bersetuju dan tidak tahu sebab sebenar halangan itu dikenakan kepada

pelaut-pelaut dari Malaysia kerana pendirian kita amat jelas, bahawa kita tidak membiarkan Malaysia menjadi sebuah negara yang melindungi pengganas.

"Malah kita mempunyai masalah dengan 'pengganas' di negara ini seperti Kumpulan Militan Malaysia (KMM) dan Al-Maunah yang kita telah bongkar baru-baru ini yang telah berjaya ditangani," ujar beliau.

Oleh itu, beliau ingin mengetahui lebih lanjut mengenai larangan Amerika Syarikat mengenakan kepada pelaut-pelaut dari negara ini memandangkan Malaysia bukan negara yang memberi galakan dan bantuan kepada pengganas.

Sementara itu, Najib menolak kemungkinan Amerika akan meminta bantuan daripada Malaysia dalam serangan balasan yang akan dilancarkan ke atas Afghanistan.

"Malah, ketika Perang Teluk pun mereka tidak meminta bantuan daripada kita dan menjangkakan bahawa mereka tidak akan meminta apa-apa bantuan ketenteraan.

"Kita memang tidak akan menggunakan pangkalan-pangkalan lain di negara tertentu dan meminta bantuan kemu-

dahan-kemudahan seperti bantuan logistik di tempat tertentu," katanya.

Jelas beliau, Malaysia tak mungkin terlibat dalam sebarang bantuan kepada serangan yang bakal dibuat oleh Amerika Syarikat nanti.

Di samping itu, beliau bersetuju dengan pendirian Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang mahukan, supaya bukan saja tindakan terhadap pengganas diberi perhatian oleh pihak Amerika, tetapi faktor yang mendorong berlakunya tindakan oleh kumpulan pengganas itu juga perlu dikaji dengan sedalam-dalamnya.

"Tindakan untuk membanteras pengganas bukanlah dalam bentuk peperangan konvensional biasa semata-mata, walaupun penggunaan kenteraan itu penting.

"Ta dibuktikan seperti yang kita buat dalam menentang ancaman komunis dulu yang menunjukkan kita bahawa tak mungkin kita berjaya kalau tidak dapat memenangi hati dan fikiran rakyat," tegas beliau.

Dalam pada itu, beliau berpendapat sekiranya orang yang disyaki pengganas oleh Amerika dibunuh, mungkin akan lahir pengganas baru sekiranya punca tidak puas hati tidak ditangani.